

SULIT
3755/1 & 2
Perdagangan
Kertas 1 & 2
Mei 2010
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN OTI 1 2010
TINGKATAN 4

PERDAGANGAN
Kertas 1 & 2
Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua kertas : Kertas 1 dan Kertas 2*
2. *Jawab semua soalan daripada Kertas 1 dan bagi Kertas 2 jawab satu soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Disediakan Oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

KERTAS 1

Bahagian A: Jawab semua soalan

- Pernyataan yang manakah menerangkan tentang hierarki keperluan Maslow?
 - Aspek penghargaan terdapat dalam keperluan fisiologi
 - Keperluan rohani mendorong manusia mencapai kejayaan
 - Terbahagi kepada tiga tahap iaitu sosial, kasih sayang, dan keselamatan
 - Keperluan asas terdiri daripada makanan, pakaian, dan tempat tinggal sahaja
- Semua pasangan berikut adalah benar tentang perbezaan antara keperluan dan kehendak manusia kecuali

	Keperluan	Kehendak
A	tetap walaupun pendapatan individu menurun	berubah apabila pendapatan individu menurun
B	jika tiada tidak mengancam kehidupan manusia	jika tiada mengancam kehidupan seharian manusia
C	mudah dipuaskan	sukar dipuaskan
D	terdiri daripada beberapa peringkat	tiada peringkat


- En. Adam telah mengusahakan sawahnya sejak 20 tahun yang lalu. Hasil tanamannya dijual ke kilang BERNAS.
En. Adam terlibat dalam pengeluaran
 - ekstraktif
 - perkilangan
 - perniagaan
 - khidmat langsung
 - I dan III
 - I dan IV
 - II dan III
 - II dan IV
- Antara berikut, yang manakah sumbangan usahawan kepada masyarakat?
 - Mencipta perkhidmatan telebank
 - Memberi khidmat nasihat kepada penduduk setempat
 - Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan pengkhususan.

- En. Lim bekerja sebagai juruteknik di kilang elektronik di Shah Alam
- Cik Nina telah bekerja selama lima tahun di kilang pakaian di Johor
- En. Suresh pula bekerja sebagai pemandu lori di ladang teh di Cameron Highlands

Apakah jenis pengkhususan yang terlibat dalam kes di atas?

- A Pengkhususan mengikut pekerjaan dan kawasan
 - B Pengkhususan mengikut pekerjaan dan proses
 - C Pengkhususan mengikut kawasan dan antarabangsa
 - D Pengkhususan mengikut proses dan antarabangsa
6. Mengapakah sistem barter berlaku?
- A Wujudnya penggunaan mata wang
 - B Wujudnya perniagaan antarabangsa
 - C Bertambahnya kos pengeluaran
 - D Pengamalan pengkhususan dalam pengeluaran
7. Rajah 1 menunjukkan hubungan dua hala di antara perdagangan dengan perniagaan.



Rajah 1

Apakah hubungan kedua-duanya dalam proses pengeluaran?

- A Mencapai pengeluaran maksimum melalui pengkhususan
 - B Mencipta nilai faedah kepada kehidupan manusia
 - C Mendapatkan keuntungan melalui urus niaga
 - D Menyediakan tempat untuk berniaga
8. Antara berikut, pekerjaan yang manakah berkaitan dengan perdagangan?
- I Juruteknik kilang komputer
 - II Peniaga runcit
 - III Pengawal keselamatan
 - IV Pemandu lori
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
9. Antara berikut, manakah benar tentang perniagaan?
- A Merupakan proses menghasilkan barang-barang dan perkhidmatan
 - B Merupakan proses mencipta nilai faedah ke atas barang-barang dari segi tempat dan mas
 - C Menjual beli untuk mendapat keuntungan
 - D Bertujuan mendapatkan wang untuk memenuhi keperluan manusia

10. Perdagangan dikaitkan dengan pengeluaran kerana membantu
- A meningkatkan keuntungan peniaga
 - B proses mencipta nilai faedah
 - C mewujudkan lebih barang
 - D proses pengkhususan

11. Rajah 2 menunjukkan beberapa jenis buku.



Rajah 2

Antara berikut, saluran agihan yang manakah sesuai bagi buku-buku itu?

- A Pengeluar →Pemborong →Peruncit →Pengguna
 - B Pengeluar →Ejen →Peruncit →Pengguna
 - C Pengeluar →Pemborong →Pengguna
 - D Pengeluar →Peruncit →pengguna
12. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi peruncit kecil-kecilan kepada pengguna?
- I Menyediakan pelbagai jenis barang
 - II Membeli secara pukal untuk kebaikan pengguna
 - III Menjual dalam kuantiti yang diperlukan
 - IV Memberi kredit kepada semua pengguna
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
13. Bagaimanakah pemborong membolehkan pengguna menikmati harga barang yang stabil?
- A Mengadakan kempen promosi
 - B Membantu menyampaikan maklumat
 - C Menyelaraskan penawaran dan permintaan
 - D Memecahkan pukal dan menyediakan barang

14. Pernyataan di bawah berkaitan dengan seseorang pemborong.

- Menerima komisyen
- Menjual bagi pihak pelanggan
- Menemukan penjual dengan pembeli

Siapakah pemborong itu?

- A Broker
B Jober Para
C Ejen Pengeluar
D Pemborong Pesanan Berwakil

15. Pn. Aina mendapatkan hak ejen tunggal dari Indonesia untuk menjual produk kesihatan di seluruh Malaysia. Beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang teknologi maklumat serta mempunyai laman web sendiri.

Apakah bentuk perniagaan yang sesuai untuk Pn. Aina?

- A Kedai katalog
B Pesanan Mel
C E-dagang
D Francais


16

Kedai Amy memulangkan baju-baju yang dibekalkan oleh Syarikat Nuri Sdn. Bhd. kerana

Dokumen manakah yang akan dikeluarkan oleh Syarikat Nuri Sdn. Bhd. kepada Kedai Amy?

- A Nota Makluman
B Nota Serahan
C Nota Kredit
D Nota Debit

17. Gambar rajah 1 menunjukkan sebuah komputer riba yang dijual secara sewa beli.

	
Harga komputer riba	RM2,000.00
Wang pendahuluan	RM200.00
Tempoh bayaran	2 tahun
Kadar faedah setahun	5%

Gambar rajah 1

Hitung amaun ansuran bulanan untuk menjelaskan komputer riba berkenaan.

- A RM100.00
B RM87.50
C RM82.50
D RM78.75

18. Berikut adalah maklumat mengenai sejenis kaedah jualan.

- Barang dihantar oleh pembekal kepada peniaga
- Peniaga dibayar komisyen ke atas barang yang dijual
- Barang yang tidak laku dipulangkan semula kepada pembekal.

Apakah kaedah jualan tersebut?

- | | |
|-----------------|--------------------|
| A Jualan Tunai | C Jualan Prabayar |
| B Jualan Kredit | D Jualan Konsainan |

19. Pernyataan yang manakah menunjukkan kelebihan jualan tunai kepada penjual?

- A Menambahkan aliran tunai
- B Menarik lebih ramai pelanggan
- C Memupuk sifat berjimat cermat
- D Memudahkan penjualan barangan bernilai tinggi

20. Antara berikut perkhidmatan manakah sesuai mengamalkan perkhidmatan pra bayar.


- I Talian telefon
 - II Siaran televisyen
 - III Rawatan perubatan
 - IV Pengangkutan awam
- | | |
|-----------------|------------------|
| A I, II dan III | C I, III dan IV |
| B I, II dan IV | D II, III dan IV |

KERTAS 2

BAHAGIAN A

Jawab mana-mana **satu** soalan dalam bahagian ini.

1. (a) Berdasarkan model hieraki keperluan Maslow, terangkan dengan contoh mana-mana dua tahap keperluan manusia. (6m)
- (b) Encik Rashidi adalah seorang usahawan yang berjaya. Jelaskan cara beliau dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat. (9m)
- (c) Rajah di bawah adalah berkaitan dengan beberapa jenis bantuan perniagaan bagi perniagaan butik.



Pengangkutan



Komunikasi



Promosi



Gudang

- (i) Pilih bantuan perniagaan yang sesuai untuk perniagaan tersebut. (2m)
- (ii) Terangkan cara bagaimana setiap bantuan dalam (i) dapat membantu melicinkan perniagaan itu (8m)

2. (a) Terangkan tiga fungsi peruncit dalam saluran agihan. (6m)
- (b) Bagi situasi berikut, jelaskan jenis bantuan perniagaan yang sesuai:

- (i) Perniagaan Jaya ingin membuat pinjaman kewangan.
- (ii) Pengeluar tepung ingin menyimpan hasil pengeluaran yang berlebihan.
- (iii) Puan Suzila ingin memperkenalkan produk barunya.
- (iv) Pemborong gula ingin menghantar hasil keluarannya ke kedai peruncit.
- (v) Encik Supandi ingin berhubung dengan pelanggannya.

(10m)

- (c) Berikut adalah satu invoice.

No 123456

INVOIS
 SYARIKAT MAJU JAYA SENDIRIAN BERHAD
 007, JALAN SENTOSA
 20200 KUALA TERENGGANU
 TEL: 09-6222215

Kepada
 2010
 ABC Sdn Bhd
 445 Jalan Bahagia
 21000 Kuala Terengganu

20 Mac

No Rujukan	Jenama	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
PT 2	Sunny	2	1200.00	2400.00
PT8	Tashibo	4	800.00	3200.00
Jumlah Kasar				5600.00
Tolak Diskaun Niaga 10%				560.00
Jumlah Bersih				5040.00

Syarat: Dengan lori, Ang. Dib.
 10% 7 hari
 5% 14 hari

Azizan
 Pengurus

- (i) Mengapakah invoice di atas dikeluarkan? (5m)
- (ii) ABC Sdn Bhd membeli 6 buah peti sejuk berjenama Sunny dan Tashibo dan bercadang untuk menjelaskan bayaran pada 29 Mac 2010. Hitungkan jumlah yang perlu dibayar. (4m)

BAHAGIAN B: KAJIAN KES

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

3. Encik Aizat membuka sebuah pasar mini di Taman Belara, Kuala Terengganu. Beliau mendapat bekalan barang niaga daripada beberapa pemborong. Disebabkan beliau baru membuka perniagaan, maka beliau mengamalkan kaedah jualan secara tunai.

Selepas beberapa bulan menjalankan perniagaan, beliau bercadang membeli sebuah peti sejuk besar untuk menjual minuman dalam tin dan kotak, sayur-sayuran dan ikan. Beliau bercadang membeli peti sejuk tersebut secara sewa beli. Setelah membuat tinjauan, terdapat dua buah kedai yang menawarkan skim sewa beli yang menarik.

Syarikat Elektrik Boon Bhd	Syarikat WNS Bhd
Harga: RM6000.00	Harga: RM6000.00
Deposit: RM2000.00	Deposit: RM2000.00
Kadar Faedah: 5.6%	Kadar Faedah: 5.5%
Tempoh bayaran balik: 24 bulan	Tempoh bayaran balik: 24 bulan

Syarikat Roti Muslimah meletakkan pelbagai roti di kedai Encik Aizat secara konsainan. Encik Aizat menyusun roti keluaran Syarikat Muslimah di atas rak khas dan diletakkan di tepi sudut kedainya.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Jelaskan ciri-ciri perniagaan yang dijalankan oleh Encik Aizat. (5m)
- (b) Terangkan fungsi pemborong kepada Encik Aizat. (5m)
- (c) Nyatakan kelebihan kaedah jualan secara tunai kepada Encik Aizat. (5m)
- (d) Andaikan anda sebagai Encik Aizat, tentukan syarikat yang anda akan pilih untuk membeli peti sejuk. Beri alasan anda. (5m)
- (e) Jelaskan kelebihan kaedah jualan secara konsainan. (5m)

SOALAN TAMAT

Implications of the findings of this study are discussed in terms of the need for a more comprehensive understanding of the factors that influence the adoption of mobile banking services. The study highlights the importance of user trust and perceived ease of use in the adoption process. Furthermore, the findings suggest that the design and user interface of mobile banking applications play a significant role in user acceptance. The study also identifies the need for further research to explore the long-term effects of mobile banking adoption on user behavior and financial inclusion.

Variable	Mean	Standard Deviation
Trust	4.5	0.8
Perceived Ease of Use	4.2	0.9
Perceived Usefulness	4.1	0.7
Adoption Intention	4.3	0.6

The results of the study indicate that users who have higher levels of trust and perceive mobile banking as easier to use are more likely to adopt the service. This finding is consistent with the Technology Acceptance Model (TAM) and the Theory of Planned Behavior (TPB). The study also shows that the perceived usefulness of mobile banking services is a significant determinant of adoption intention.

- (1) The study identifies the need for further research to explore the long-term effects of mobile banking adoption on user behavior and financial inclusion.
- (2) The findings suggest that the design and user interface of mobile banking applications play a significant role in user acceptance.
- (3) The study highlights the importance of user trust and perceived ease of use in the adoption process.
- (4) The study also identifies the need for further research to explore the long-term effects of mobile banking adoption on user behavior and financial inclusion.
- (5) The findings suggest that the design and user interface of mobile banking applications play a significant role in user acceptance.

